

Buletin Keluaran Bil. 83 (Januari - Jun 2020)

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Syariah Judiciary Department Malaysia



Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA



03-8870 9200



03-8870 9500



UNIT KOMUNIKASI KOPERAT (UKK)



LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Satu Kunjungan hormat ke Pejabat YBM Datuk Seri Dr Hajji Zulkifli Bin Mohamad al-Bakri telah diadakan pada 14 Mei 2020 jam 8.30am.Kunjungan diketuai oleh YAA Dato Dr Hajji Mohd Na'im Bin Hajji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan turut disertai oleh YAA Tuan Mohd Asri Bin Tahir, Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), Tuan Haji Nasir Bin Abdul Aziz, Ketua Pendaftar JKSM dan Tuan Muhammad Khairul Nizzam Bin Kassim, Ketua Pendaftar MSWP. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk memperkenalkan Ketua Hakim MSWP dan Ketua Pendaftar JKSM yang baharu kepada YBM Datuk Seri. YBM Datuk Seri juga menyantuni dan melengkapkan pertemuan tersebut dengan beberapa pesanan dan amanat antaranya adalah pemakluman perancangan beliau untuk mengadakan retreat dengan semua jabatan dan agensi di bawah beliau bagi menyusun perancangan dan strategi penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Selain itu YBM Datuk Seri juga mengingatkan tentang amanah terhadap jawatan besar yang dipegang dan menggesa agar satu KPI penyampaian perkhidmatan diwujudkan dengan menyasarkan pencapaian yang lebih positif khususnya dalam konteks penyelesaian kes-kes tertunggak. Tindakan tersebut perlulah dilakukan dengan penuh hikmah dan turut memberikan penekanan terhadap aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah yang berkesan agar perintah mahkamah yang dikeluarkan tidak hanya tertera di atas lembaran kertas sahaja. YBM turut memberikan contoh penguatkuasaan perintah yang sangat berkesan di Arab Saudi dan mencadangkan agar satu lawatan kerja diatur bagi melihat, mengambil dan mengaplikasikan amalan terbaik tersebut di Mahkamah-mahkamah Syariah. Di akhir pertemuan tersebut YBM Dato Seri telah mendoakan YAA KHS MSWP diberikan kekuatan dan dipermudahkan urusan dalam memberikan perkhidmatan keadilan terbaik di MSWP.

Tarikh:14 Mei 2020



►KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA JABATAN PENJARA MALAYSIA

JKSM telah menerima lawatan kunjung hormat daripada Jabatan Penjara Malaysia yang diketuai oleh Komisioner Penjara, Tuan Ibrisham bin Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 7 JKSM. Delegasi Jabatan Penjara seramai 8 orang iaitu Tuan Mohd Muslih bin Mahmud (Pengarah Bahagian Agama dan Kaunseling), Encik Abdul Kadir Jailani bin Ismail (Ketua Unit Undang-Undang Penjara), Zulia bin Khamis @ Ahmad Kamil (Timbalan Pengarah Bahagian Agama dan Kaunseling) dan Ustaz Mohd Azman bin Mat Hassan (Bahagian Agama dan Kaunseling tersebut telah disambut oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM bersama Ketua Pendaftar JKSM dan pegawai-pegawai kanan JKSM.

Pelbagai isu telah dibincangkan antaranya adalah berkaitan cadangan bagi mengurangkan kesesakan di dalam penjara yang semakin meruncing hari ini. Antara cadangan yang boleh dilaksanakan adalah dengan memanfaatkan segenap ruang dan inovasi hukuman alternatif yang ditawarkan di penjara seperti 'perintah khidmat wajib' dan 'khidmat berasaskan jam' di mana hukuman tersebut boleh dijalani oleh pesalah selepas waktu kerja.

Perbincangan juga lebih menjurus kepada isu-isu berbangkit di antara Mahkamah Syariah dan penjara seperti tanggungan kos kepada pesalah, sifat-sifat hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Syarie, peruntukan berkaitan pemenjaraan dan bentuk hukuman alternatif di Mahkamah Syariah. Di akhir perbincangan, YAA Dato' Dr. mencadangkan untuk perbincangan lanjut secara lebih khusus antara JKSM dan Jabatan Penjara Malaysia selain turut menawarkan kepada pihak penjara untuk berkongsi kepada hakim-hakim syarie akan bentuk hukuman alternatif yang terdapat di Penjara.

Pertemuan ini merupakan satu langkah yang baharu dalam memperkuatkan lagi hubungan antara kedua-dua agensi sekaligus memberikan impak yang positif dalam perkembangan Institusi Kehakiman Syariah negara.

Tarikh: 26 Februari 2020



KUNJUNG HORMAT KE JABATAN PEGUAM NEGARA

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah berkesempatan membuat kunjungan hormat ke atas Peguam Negara Malaysia, YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun di Jabatan Peguam Negara, Putrajaya. Ini merupakan pertemuan pertama YAA Dato' Dr. dengan YBhg. Tan Sri sejak beliau dilantik sebagai Peguam Negara pada 6 Mac 2020 bagi menggantikan Tan Sri Tommy Thomas yang memendekkan perkhidmatan beliau berkuatkuasa pada 28 Februari 2020. Kunjung hormat ini bertujuan mengukuhkan hubungan antara JKSM dengan Jabatan Peguam Negara terutama dalam usaha memperkuatkan bidang kehakiman dan perundangan syariah. YAA Dato' Dr. turut mengharapkan agar pihak Jabatan Peguam Negara akan terus menyokong usaha JKSM dalam menyeragamkan dan memartabatkan sistem pentadbiran kehakiman syariah di Malaysia. YBhg. Tan Sri Ketua Peguam Negara sempat berkongsi cerita tentang pengalaman beliau dalam Jawatankuasa Penggubalan Akta dan Undang-Undang Syariah bersama Almarhum Professor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, Dato' Nik Rashid dan lain-lain. Turut hadir dalam sesi kunjung hormat tersebut adalah YA Tuan Mohd Amran bin Mat Zain (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM) dan YBhg. Tuan Nassir bin Abdul Aziz (Ketua Pendaftar JKSM).

Tarikh: 22 Mei 2020



KUNJUNG HORMAT KE KEDUTAAN QATAR

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM hari ini telah berkesempatan membuat kunjungan hormat ke Kedutaan Qatar dan bertemu dengan HE Fahad bin Mohammed Kafoud, Duta Qatar di Malaysia. Pertemuan bersejarah ini adalah untuk membincangkan peluang kerjasama yang boleh dijalankan antara Negara Qatar dengan JKSM khususnya bagi mewujudkan peluang latihan kepada pegawai syariah seluruh Malaysia. Hasrat YAA Dato' Dr. tersebut amat dialukan dan pihak kedutaan Qatar bersedia untuk memberikan sokongan dan dokongan serta kerjasama bagi merealisasikan cadangan program latihan tersebut memandangkan program ini amat bermanfaat bukan sahaja dalam illmu qada' malah dapat meningkatkan penguasaan bahasa arab di kalangan pegawai Syariah di Malaysia.Tambah menarik, HE Fahad telah berbesar hati menjemput YAA Dato' Dr. untuk mengadakan sesi lawatan kerja ke Qatar dengan kadar segera bagi mendalami Sistem Kehakiman Syariah Negara Qatar selain dapat berkenalan dengan Ketua Hakim dan hakim-hakim syarie di sana.Tambah beliau, melalui sesi lawatan kelak, YAA Dato' Dr. juga boleh melihat sendiri sistem yang dibangunkan oleh Qatar bagi mengendalikan kes-kes di mahkamah dan idea dan model sistem tersebut boleh di bawa balik untuk digunakan oleh mahkamah syariah di Malaysia.Selain itu, sesi perbincangan lebih menjurus kepada perkongsian pintar struktur kehakiman Syariah di antara Malaysia dan Qatar yang boleh dimanfaatkan bersama dan menjadi role model kepada negara-negara Islam yang lain. Diharapkan agar pertemuan YAA Dato' Dr. dengan Duta Qatar hari ini dapat menghasilkan sesuatu yang positif bagi memartabatkan sistem perundangan dan kehakiman syariah di samping meningkatkan tahap kompetensi pegawai syariah di seluruh Malaysia.

Tarikh:4 Mac 2020




KUNJUNGAN HORMAT KKS JKSM KE ATAS YAA KP/KHS JKSM

Barisan Kepimpinan Kelab Kebajikan dan Sukan (KKS) JKSM pagi ini telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM bertempat di Bilik Mesyuarat Ketua Pengarah, Aras 7, JKSM.Kunjungan hormat yang diketuai oleh YA Tuan Mohd Amran bin Mat Zain, Hakim Rayuan JKSM selaku Pengerusi KKS JKSM Sesi 2020/2022 bertujuan memperkenalkan exco KKS sesi 2020/2020 yang baru dilantik pada 21 februari 2020 yang lalu.

Pengerusi turut mengambil kesempatan dalam pertemuan ini utk membentangkan perancangan program dan aktiviti yang bakal dianjurkan oleh KKS sepanjang tahun 2020.YAA Dato' Dr. terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada semua barisan exco KKS atas pelantikan dan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh seluruh warga JKSM kepada mereka.YAA Dato' Dr. turut mengharapkan agar barisan pimpinan exco yang baharu sentiasa mementingkan hubungan kekeluargaan dan kebajikan seluruh kakitangan JKSM serta menjadikan program dan aktiviti KKS terutama aktiviti sukan sebagai platform untuk merapatkan ukhwah serta menjadikan warga JKSM sentiasa sihat.

Tarikh: 6 Mac 2020



KUNJUNG HORMAT KE ATAS NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM hari ini berkesempatan membuat kunjungan hormat ke atas YBhg. Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ini merupakan pertemuan pertama YAA Dato' Dr. dengan YBhg. Prof. Dr. sejak beliau dilantik sebagai Naib Canselor UMS pada 30 Julai 2019 bagi menggantikan Datuk Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin yang tamat tempoh memegang jawatan tersebut pada 28 Julai 2019. Kunjung hormat ini bertujuan mengukuhkan hubungan antara JKSM dan JKSN Sabah dengan UMS terutama dalam bidang pendidikan khususnya bidang kehakiman dan perundangan syariah.

Antara cadangan yang diutarakan oleh YAA Dato' Dr. adalah ruang kerjasama antara UMS dengan JKSN Sabah bagi membangunkan Kursus Diploma Lanjutan/Lepasan Ijazah bagi Pentadbiran dan Guaman Syarie. Selain itu, pertemuan tersebut turut berkisar tentang peluang kerjasama antara kedua-dua pihak bagi membolehkan pegawai syariah di JKSN Sabah menyambung pelajaran di UMS di peringkat Sarjana dan PhD. Diharapkan agar sesi perbincangan kali ini dapat direalisasikan bagi memartabatkan sistem perundangan dan kehakiman syariah di Sabah.

Turut hadir dalam sesi kunjung hormat tersebut adalah YA Datuk Jasri@Nasip bin Mat Jakir (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM), YAA Tuan Ahmad Din bin OKK Othman (Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah) dan Puan Surayah binti Ramlee, (Ketua Pendaftar JKSN Sabah).

Tarikh:2 Mac 2020



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KETUA PENGARAH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT KE JKSM

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia hari ini telah menerima lawatan kunjung hormat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang diketuai oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Encik Zulkifli bin Ismail bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 7 JKSM.. Agenda utama yang dibincangkan adalah berkaitan usaha penyeragaman Format Laporan Sosial yang merupakan dokumen penting dalam kes permohonan pernikahan bawah umur.Pihak JKM telah menyediakan draf format laporan tersebut dan pihak JKSM akan menilai format tersebut sebelum satu arahan amalan dikeluarkan untuk digunakan oleh mahkamah syariah seluruh Malaysia.Selain itu, perbincangan turut menjurus kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Timbalan Perdana Menteri tentang keperluan penyediaan laporan bagi pasangan muda yang berusia 21 hingga 24 tahun bagi menentukan tahap kemampuan untuk menanggung pasangan bawah umur.

Selain itu, perbincangan juga turut berkisar mengenai penyediaan draf laporan pernikahan bawah umur bagi kanak-kanak OKU seperti lembam dan cacat anggota.Semoga dengan pertemuan ini dapat memperkuatkan lagi hubungan antara kedua-dua agensi terutama dalam usaha penambahbaikan SOP Pernikahan Bawah Umur dan sekaligus memberikan impak yang positif kepada sistem kehakiman syariah di Malaysia.Delegasi JKM dihadiri oleh Pengarah Bahagian Kanak-Kanak JKM, Pengarah Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa JKM dan KPP Bahagian Kanak-Kanak JKM.Di akhir pertemuan, Ketua Pengarah JKM sempat menawarkan kepada YAA Dato' Dr. untuk membuka taska dan tadika di JKSM bagi memudahkan urusan penjagaan anak-anak kepada warga JKSM.

Tarikh:7 Februari 2020

TEMURAMAH BERSAMA AKHBAR UTUSAN MALAYSIA


Satu temuramah bersama YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dengan Wartawan Kanan Akhbar Utusan Malaysia, Encik Zabry Mohamad Madzlan dan Puan Maisarah telah diadakan pada jam 3.15 petang bertempat di Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Kompleks Islam Putrajaya. Dalam sesi temuramah tersebut, YAA Dato' Dr. telah diajukan pertanyaan yang memberi fokus kepada perjalanan kes di mahkamah syariah semasa dan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

YAA Dato' Dr. telah menjelaskan bahawa penguatkuasaan PKP sepanjang tempoh penularan wabak Covid-19 secara tidak langsung memberi tekanan kepada institusi kekeluargaan di mana terdapat peningkatan kes kekeluargaan di mahkamah syariah.

Di akhir temuramah, YAA Dato' Dr. amat mengharapkan kerjasama daripada pengamal media bagi menyebar luas maklumat berkaitan perundangan syariah bagi membuka mata masyarakat di luar sana.

Tarikh: 23 June 2020





BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA (BKPSM)



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE JKSM TAHUN 2020

Tarikh : 10 Januari 2020

Tempat : Dewan Tan Sri Dato' Setia Ibrahim Lembut.

Anjuran : BKPSM



YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar telah menyampaikan amanat beliau di dalam Majlis Amanat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Tahun 2020 pada 10 Januari 2020 bersama warga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bertempat di Dewan Tan Sri Dato' Setia Ibrahim Lembut.

YAA Dato' Dr. menyeru kepada warga JKSM/JKSN/MSN untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pegawai syariah selaras dengan motto CENDEKIA (Cendekiawan, Ikhlas dan Amanah), memperkaya inovasi bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, bersatu hati dengan mempunyai ‘wihdah al-fikr, wihdah al-‘amal’ (kesatuan fikir dan amalan) dan bekerjasama bagi memantapkan sistem penyampaian. Di akhir amanat, YAA Dato' Dr. berharap agar setiap warga menghayati sekaligus menerapkan visi, misi, KPI dan strategi dalam setiap pelaksanaan program Jabatan

MAJLIS PERHIMPUNAN DAN BACAAN YASSIN BULANAN JABATAN

Tarikh : 21 Februari 2020
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5
Anjuran : Bahagian/Unit JKSM

Majlis Perhimpunan dan Bacaan Yassin Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia diadakan pada setiap bulan. Majlis ini bermula dengan bacaan doa dan alunan ayat-ayat suci al-Quran. Seterusnya sesi perkongsian ilmu akan disampaikan oleh pegawai JKSM



BENGKEL PENDAFTARAN DAN PENEMPATAN ASET ALIH KERAJAAN JKSM TAHUN 2020

Tarikh : 24 hingga 26 Februari 2020
Tempat : Makmal Bahasa, Aras 4 JKSM
Anjuran : BKPSM

Unit Pengurusan Aset (UPA) JKSM telah menganjurkan Bengkel Pendaftaran dan Penerimaan Aset bertempat di Makmal Bahasa, Aras 4 JKSM bermula 24 hingga 26 Februari 2020.



AUDIT PERSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Tarikh : 10 hingga 11 Mac 2020
Tempat : JKSM
Anjuran : BKPSM

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah merasmikan Mesyuarat Pembukaan Audit Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JKSM pada 10 Mac 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, Kompleks Islam Putrajaya.

MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA BIL1 DAN 2 TAHUN 2020

Tarikh : 3 Januari 2020, 19 Mei 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5

Anjuran : BKPSM

- ▶ Mesyuarat Pengurusan diadakan setiap sukuan tahun dan dihadiri oleh semua pengarah / ketua unit JKSM, JKSN Saba, jabatan-jabatan berkaitan serta pegawai-pegawai kanan. Antara perkara yang dibincangkan adalah untuk merangkumi pengurusan dan pentadbiran JKSM secara holistik. Mesyuarat juga akan berbincang untuk memperkemaskan urusan pentadbiran dan menjayakan pelaksanaan semua program yang dirancang dalam tahun 2020.

Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Oleh Bahagian Akaun, JPM

Tarikh : 2 hingga 6 Mac 2020
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5
Anjuran : BKPSM

Bahagian Akaun, JPM telah menjalankan naziran pematuhan perakaunan akruan di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 2 hingga 6 Mac 2020. Naziran diadakan bertujuan mengkaji, memeriksa dan menilai prosedur pematuhan perakaunan akruan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi kawalan dalaman dan pematuhan di Jabatan.

Mesyuarat Pembukaan (*Entrance Meeting*) telah diadakan pada 2 Mac 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat BKPSM, Aras 5, JKSM yang dipengerusikan oleh Cik Laila Khalidah binti Ismail, Pengarah Kanan (Pengurusan). Mesyuarat Penutup (*Exit Meeting*) pula telah diadakan pada 9 Jun 2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan (Pengurusan) dan dihadiri oleh Puan Norizan binti Mohd Yunos, Ketua Akauntan JPM bersama wakil serta pegawai daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, JKSM. Secara keseluruhannya, JKSM telah melaksanakan dan mematuhi peraturan kewangan dengan baik. Namun demikian, terdapat beberapa ruang untuk penambahbaikan yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan selaras dengan syor dan cadangan yang diberikan Bahagian Akaun, JPM



MAKMAL SEMAKAN BANK SOALAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI SYARIAH GRED LS29 DAN PEMBANTU SYARIAH GRED LS19 TAHUN 2020

Tarikh : 29 Januari hingga 30 Januari 2020
Tempat : Dewan Serbaguna Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim Lembut
Anjuran : BKPSM

Makmal Semakan Bank Soalan Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29 dan Pembantu Syariah Gred LS19 telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Januari sehingga 30 Januari 2020 yang lalu. Makmal tersebut bertujuan untuk menggubal soalan-soalan baharu untuk soalan peperiksaan perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Sesi penilaian soalan tersebut diadakan bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkualiti serta menepati konteks pada masa kini.



MAKMAL PENGUKUHAN PERJAWATAN

JKSN/MSN SIRI 1/2020

Tarikh : 5 dan 6 Februari 2020

Tempat : Dewan Serbaguna Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim Lembut

Anjuran : BKPSM

- Pada 5 dan 6 Februari 2020 yang lalu, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (BKPSM) telah mengadakan Makmal Pengukuhan Perjawatan JKSN/MSN Siri 1/2020. Sesi dua hari tersebut telah melibatkan semua pengurusan tertinggi JKSM, pengarah-pengarah bahagian dan pegawai-pegawai kanan JKSM. Objektif pelaksanaan makmal tersebut adalah bagi meneliti semula model perjawatan JKSN/MSN sedia ada serta merangka model perjawatan JKSN/ MSN



MESYUARAT JAWATANKUASA PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 1 – 5 TAHUN 2020

Tarikh :**7 Januari 2020 / 9 Mac 2020 / 10 Jun 2020 / 18 Jun 2020 / 26 Jun 2020**

Tempat :**Bilik Mesyuarat Pengarah Kanan**

Anjuran :**BKPSM**

- ▶ JKPPSM merupakan satu medium untuk merancang dan membuat keputusan terhadap semua urusan berkaitan sumber manusia termasuklah urusan pertukaran, penempatan dan kenaikan pangkat di bawah Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN), Mahkamah Syariah Negeri (MSN) dan jabatan-jabatan yang berkaitan.
- ▶ Penubuhan JKPPSM ini adalah selaras dengan penetapan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004 – Panduan Pertukaran Pegawai Awam dan semua asas pertimbangan serta keputusan yang dibuat oleh JKPPSM ini bersandarkan kepada Pekeliling yang sama. Sehubungan itu, tujuan utama pelaksanaan mesyuarat ini adalah untuk memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti.

MESYUARAT PANEL PEPERIKSAAN JABATAN BIL.1 TAHUN 2020 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Tarikh : **17 Jun 2020**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Pejabat
Pengarah Kanan**
Anjuran : **BKPSM**

- ▶ Mesyuarat Panel Peperiksaan Jabatan telah diadakan untuk memilih soalan-soalan bagi Peperiksaan Khas Untuk Memasuki Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29, Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2020. Sesi penilaian pemilihan soalan tersebut diadakan bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang dikemukakan adalah menepati konteks pada masa kini bagi mengukur kesesuaian seseorang calon dari segi potensinya untuk menjawat jawatan melalui laluan PSL serta menguji kemahiran seseorang calon berdasarkan kepada pengalaman dalam tugas-tugas harian.

BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)

BENGKEL PERMURNIAN GARIS PANDUAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) TAHUN 2020

Tarikh : 13 hingga 14 Januari 2020

Tempat : Dewan Tan Sri Dato' Setia Ibrahim Lembut, Aras 5, JKSM

Anjuran : Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM

Program ini melibatkan Ahli Jawatankuasa Kerja BSK JKSM yang dikendalikan oleh Tuan Shamsuddin bin Hussain, Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM.



PROGRAM DISKUSI PEMAHAMAN MANUAL RUNDING CARA PEGAWAI BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) TAHUN 2020

Tarikh : 12 hingga 14 Februari 2020

Tempat : Institut Semarak FELDA (ISEF), Bangi, Selangor

Anjuran : Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JKSM

Program ini melibatkan seramai 25 orang pegawai dan kakitangan BSK Seksyen Negeri seluruh Malaysia.





**PROGRAM NAZIRAN
BAHAGIAN SOKONGAN
KELUARGA (BSK),
JABATAN KEHAKIMAN
SYARIAH MALAYSIA (JKSM)
KE BAHAGIAN SOKONGAN
KELUARGA SEKSYEN
NEGERI WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA
LUMPUR**

Tarikh : 4 Mac 2020 (Rabu)
Tempat : BSK Seksyen Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Anjuran : Bahagian Sokongan
Keluarga (BSK) JKSM

LAPORAN MAKMAL OPEN SOURCE INTELLIGENCE (OSINT) BERSAMA SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) BIL.1/2020

Tarikh : 10 Mac 2020

Tempat : Bilik Seminar 1, Aras 1, Wisma Mustapha Kamal, Pusat Pembangunan Profesional
Institut Perakaunan Negara (IPNCPD), Cyberjaya

Anjuran : Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)





BENGKEL RUNDING CARA BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA(JKSM)

SECARA ATAS TALIAN MENERUSI APLIKASI SKYPE FOR BUSINESS

Tarikh : 21 Mei 2020

Anjuran : Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Bengkel Runding Cara secara atas talian bersama Dr. Hanna binti Ambaras Khan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi aplikasi Skype For Business. Bengkel yang bermula jam 10.00 pagi ini telah disertai hampir 30 orang peserta yang terdiri daripada pegawai BSK seluruh Malaysia yang berkesempatan hadir di dalam bengkel tersebut. Tujuan Program ini diadakan adalah untuk memahami teknik runding cara secara atas talian dan kemahiran dalam teknik-teknik Runding Cara agar peserta memahami dan melaksanakan tugas sebagai Pegawai BSK secara berkesan.



**PERTUKARAN MASUK DAN KELUAR PEGAWAI
BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)
TAHUN 2020**

FEBRUARI 2020

BIL.	NAMA PEGAWAI &	PERTUKARAN KELUAR	TARIKH	
		DARI	KE	
1.	Tuan Nik Suhaimi bin Nik Saberi (LS41)	BSK Pulau Pinang	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	17.02.2020
2.	Puan Dalilah Hanisah binti Abu Bakar (LS41)	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	BSK Pulau Pinang	17.02.2020
3.	Encik Ruwaidi bin Ghani (LS19)	BSK Perak	JBG Taiping	03.02.2020
4.	Puan Zuhairiah binti A. Latif (LS19)	JBG Taiping	BSK Perak	03.02.2020

APRIL 2020

BIL.	NAMA PEGAWAI	PERLETAKAN JAWATAN / PERSARAAN PILIHAN	TARIKH
		DARI	
1.	Puan Suria binti Halim (LS44)	BSK Seksyen Negeri Terengganu	11.04.2020
2.	Encik Mohamad Jafri bin Zainal Abidin (LS29)	BSK Seksyen Negeri Sembilan	11.04.2020

MEI 2020

BIL.	NAMA PEGAWAI	PERTUKARAN LUAR	TARIKH	
		DARI	KE	
1.	Tuan Shamsuddin bin Hussain (LS52)	BSK JKSM	Mahkamah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	01.05.2020



BAHAGIAN PENDAFTARAN, KEURUSETIAAN DAN REKOD (BPKR)

WACANA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE, JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA TAHUN 2020

12 Februari 2020, Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menganjurkan Program Wacana Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Tahun 2020, bertempat di Dewan Serbaguna Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim Lembut, Aras 5, JKSM. Wacana kali ini merupakan wacana kali pertama YAA Dato' Dr. setelah dilantik sebagai Ketua Pengarah/Ketua hakim Syarie JKSM.



YAA Dato' Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dalam amanatnya telah membentangkan kejayaan JKSM sepanjang tahun 2019 iaitu penyelesaian 90% kes rayuan dalam tempoh 6 bulan kes didaftarkan, memperolehi Anugerah kecemerlangan KPI HRMIS 5 Bintang bagi tahun 2019, menyertai Kursus Intensif Kehakiman Syariah di Maahad Áliy lil Qadha', Jamiah Imam Sa'ud Islamiah, Riyadh, Arab Saudi oleh 33 orang Pegawai Syariah seluruh Malaysia selama sebulan, pencapaian KPI yang melebihi sasaran 71% bagi penyelesaian kes perlanggaran perintah nafkah oleh Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di seluruh Malaysia; Pembangunan SOP Penentuan Status Agama di Mahkamah Syariah dan mempergiatkan publisiti dan sesi penerangan kepada masyarakat menerusi media elektronik (televisyen dan radio), media cetak (akhbar), media sosial, program jelajah dan pameran yang dianjurkan.



Bagi Tahun 2020 pula, pelbagai perancangan telah direncanakan dalam memastikan JKSM mengorak langkah terus maju ke hadapan dengan meletakkan 9 KPI untuk dicapai. Antara strategi yang diterapkan ialah pengukuhan organisasi, pengukuhan latihan, prestasi kerjaya dan pengukuhan *Institutional Memory*. YAA Dato' Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie turut menyampaikan sijil penghargaan menerusi Anugerah Inovasi JKSN/MSN, Penulisan Artikel Terbaik, Penulisan Alasan Penghakiman Jurnal Hukum Terbaik, Anugerah Penggunaan e-Bicara Tertinggi JKSN/MSN dan Anugerah Tamat Pengajian Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah.



Pada sesi petang satu taklimat berkaitan Akta Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 (AKTA 814) telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Ramzi bin Osman, Penasihat Undang-Undang, Bahagian Undang-Undang JAKIM. Taklimat ini bertujuan memberi penerangan dan pemahaman berkaitan Akta Profesional Guaman Syarie kepada semua warga JKSM/JKSN/MSN.

Ketua Pengarah JKSM bergambar bersama dengan Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri-Negeri dan Ketua Pendaftar JKSM.




PERSIDANGAN VIDEO: SKYPE FOR BUSINESS MESYUARAT KHAS PENGURUSAN KES SEMASA DAN SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Persidangan Video: Skype for Business (Sfb) Mesyuarat Khas Pengurusan Kes Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan melalui Atas fb dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan bermula 18 Mac 2020. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Ketua Pendaftar, JKSM dan dihadiri oleh Ketua-ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSN)/Mahkamah Syariah Negeri (MSN), Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-pengarah Bahagian, Ketua Unit dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, JKSM.

Tujuan mesyuarat adalah untuk mendapatkan input-input dan pandangan daripada negeri-negeri bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman pengurusan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, Bahagian Sokongan Keluarga dan Unit Sulh. Hasil mesyuarat ini Soalan Lazim (FAQ) Berkaitan Pengendalian Kes-kes Di Mahkamah Syariah Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/Mahkamah Syariah Negeri telah berjaya disediakan sebagai rujukan yang selaras terutama dalam menjawab isu-isu pertanyaan orang awam sepanjang tempoh PKP. Selain itu, FAQ ini turut menjadi rujukan kepada pegawai bertugas JKSM/JKSN/MSN di Pusat Talian MyCareCovid 19 di Bilik Gerakan, JAKIM. Mesyuarat juga membincangkan mengenai Cadangan Garis Panduan Perbicaraan Kes-Kes Syariah Bagi Mahkamah Syariah Negeri/Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Semasa Tempoh (PKP) telah disediakan oleh pihak JKSM bagi mendapatkan kelulusan Majlis Keselamatan Negara.

Selanjutnya, Garis Panduan Perbicaraan Kes-kes Syariah bagi JKSN/MSN dalam tempoh PKP dan Pasca PKP yang telah dibincangkan bersama Ketua-ketua Pendaftar telah dibawa dalam Mesyuarat Khas Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM Bersama Hakim Rayuan Syariah dan Ketua-Ketua Hakim Syarie JKSN/MSN Bagi Pengurusan Kes Semasa dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mendapatkan persetujuan YAA Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri-negeri. FAQ Siri 1 dan Garis Panduan yang dipersetujui bersama ini telah memberikan impak positif dalam menyantuni pelanggan mahkamah bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pengoperasian Mahkamah Syariah seluruh negeri serta pelan tindakan kesediaan JKSN/MSN dalam mengendalikan kes selepas tempoh PKP.



90 Participants



Abdul Kadir Jailani bin Ismail

44 Participants



YAA Dato' Dr. Mohd Naim Bin Haji Mokhtar

BENGKEL AKTA KEHADIRAN WAJIB PESALAH-PESALAH 1954 MELALUI ATAS TALIAN SKYPE FOR BUSINESS

3 JUN 2020, PUTRAJAYA: Bengkel Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 telah dianjurkan oleh Seksyen Keurusetiaan, Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod JKSM. Penyertaan bengkel melalui atas talian ini *Skype for Business* ini adalah secara terbuka yang disertai oleh Ketua-ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia, Ketua-ketua Pendakwa Syarie, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Pegawai Syariah. Seramai 93 orang peserta telah terlibat dalam sesi ceramah yang disampaikan oleh Tuan Abdul Kadir Jailani bin Ismail, Penolong Kanan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia. Bengkel ini dirasmikan oleh YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM.



MAJLIS KICK-OFF PERSIDANGAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN SYARIAH NUSANTARA 2020

27 FEBRUARI 2020, PUTRAJAYA: Majlis Kick-off Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara 2020 telah dirasmikan oleh YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5 JKSM bagi pelaksanaan gerak kerja persidangan.

►Persidangan Kehakiman dan Perundangan Syariah Nusantara (PKPSN) ini dijadualkan pada bulan Ogos 2020 akan disertai oleh Pegawai Syariah seluruh Malaysia dan juga Pegawai Kehakiman Syariah dari rantau nusantara. PKPSN buat pertama kali telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2016 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, Selangor.

Persidangan ini adalah merupakan platform yang paling tepat untuk mendapatkan pencerahan bersama-sama bagi merungkai segala permasalahan kontemporari pada hari ini. Bertukar-tukar pandangan berhubung perundangan Syariah antara Malaysia dan negara nusantara.

Dalam majlis yang sama pembentangan Kertas Cadangan PKPSN telah disampaikan oleh Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz, Pengarah Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod JKSM kepada YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, YA Hakim Rayuan Mahkamah Syariah JKSM, YBrs. Ketua Pendaftar dan Pegawai-pegawai kanan di JKSM.



MESYUARAT KETUA-KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA KALI KE-71 BILANGAN 1 TAHUN 2020

3 JUN 2020, PUTRAJAYA: Mesyuarat Ketua-ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Kali Ke-71 Bil. 1/2020 telah diadakan dari 3 hingga 4 Jun 2020 melalui Persidangan Video: *Skype for Business* (SfB) yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Haji Nassir bin Abdul Aziz, Ketua Pendaftar, JKSM.

Objektif utama Mesyuarat Ketua-ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia yang diadakan secara berkala 3 kali setahun adalah bagi menyelaras dan menyeragam pentadbiran pengurusan kes, kehakiman dan perundangan di seluruh Mahkamah Syariah.

Selain mendapatkan laporan kepada tindakan mesyuarat yang lalu, beberapa kertas pembentangan turut dibentangkan bagi mendapatkan pandangan serta cadangan daripada ahli-ahli mesyuarat iaitu Kertas Cadangan Mewujudkan Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri/ Mahkamah Syariah Negeri/ Jabatan Agama Islam Negeri berhubung dengan Penempatan Pegawai dan Kakitangan JKSM oleh Bahagian Sokongan Keluarga JKSM, Kertas Makluman Cadangan Pelan Strategik ICT JKSM oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKSM, Kertas Cadangan Penyelaras dan Penyeragaman Kaedah-Kaedah Suhu Seluruh Malaysia oleh Seksyen Sulh, Bahagian Pendaftaran Keurusetiaan dan Rekod, JKSM dan Kertas Cadangan Format Laporan Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi Kes Permohonan Perkahwinan Bawah Umur oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan, JKSM.

Mesyuarat turut merakamkan ucapan terima kasih atas sumbangan idea dan kerjasama sepanjang kepada Tuan Syeikh Kamaruslan bin Mustapha Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah yang akan bertukar sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Tuan Mohd Hafiz bin Daud Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan yang akan bertukar sebagai Pengarah, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan.

MUZAKARAH HAKIM-HAKIM SYARIE (SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) TAHUN 2020

3 Mac 2020, Sabah: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Muzakarah Hakim-hakim Syarie Borneo (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) Tahun 2020. Muzakarah tersebut di adakan di Bilik Serbaguna – Bilik Mesyuarat Perlis, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah khusus untuk Hakim-Hakim Syarie Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 58 orang pegawai turut serta dalam muzakarah tersebut dengan pecahan pegawai dari JKSM seramai 12 orang, pegawai JKSN Sabah seramai 27 orang, pegawai JKSN Sarawak 17 orang dan seterusnya daripada MSWP Labuan ialah seramai 2 orang pegawai. JKSN Sabah adalah tuan rumah bagi penganjuran muzakarah ini.

Muzakarah ini merupakan penganjuran kali ketiga dan pertama kali dipengerusikan oleh YAA Dato' Dr. Haji Mohd bin Haji Mokhtar selaku Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM sejak dilantik sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada 1 April 2019. Muzakarah ini merupakan platform terbaik untuk berbincang dan mengenal pasti isu-isu, permasalahan khususnya di Borneo.

MUZAKARAH PEMAHAMAN ARAHAN AMALAN TAHUN 2019

Bagi tujuan mengoptimumkan kehadiran peserta dan amalan penjimatan program muzakarah ini turut diadakan bersekali dengan Muzakarah Pemahaman Arahan Amalan Tahun 2019 yang melibatkan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Syariah, Penolong Pendaftar, Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga, Pendakwa Syarie Negeri Sabah, Pegawai Agama Jabatan Agama Islam Sabah, Sarawak dan Pegawai di Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah dan Sarawak.



YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar mempengerusikan Muzakarah Hakim-Hakim Syarie Borneo (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan) Tahun 2020 pada 3 Mac 2020.





YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar bersama ahli-ahli Muzakarah Hakim-hakim Syarie Borneo (Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan)

PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE-75 BILANGAN 1 TAHUN 2020

22 JUN 2020, PUTRAJAYA: Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-75 Bilangan 1 Tahun 2020 telah diadakan melalui Persidangan Video: Skype for Business (SfB) yang dipengerusikan YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM. Persidangan ini merupakan platform musyawarah bersama YAA Ketua-ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia bagi mendapatkan kesepakatan dan persetujuan dalam menyelaras dan penyeragam pentadbiran kehakiman dan perundungan Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Terdahulu Seminar Khas Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 telah disampaikan oleh Tuan Abdul Kadir Jailani bin Ismail, Penolong Kanan Komisioner Penjara, Jabatan Penjara Malaysia kepada ahli-ahli persidangan.

YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM berharap pembentangan ini yang dibincangkan secara kolektif di peringkat negeri. Pihak Penjara Malaysia juga bersedia untuk bekerjasama dengan JKSM, JKSN dan MSN.



**MESYUARAT KUMPULAN PEMIKIR SULH (*Think Tank*)
BIL 1 TAHUN 2020
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
4 FEBRUARI 2020**



PUTRAJAYA, 4 Februari 2020: Mesyuarat Kumpulan Pemikir Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bil. 1 tahun 2020 telah diadakan pada 4 Februari 2020 dan dipengerusikan oleh Pengarah Kanan Kehakiman iaitu YBrs Tuan Zaim Bin Md. Yudin. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Sulh yang dilantik semasa Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali ke 11 Tahun 2018 seramai 10 orang dan 2 orang pemerhati iaitu Pegawai Syariah yang sedang menyambung pelajaran diperingkat pengajian Doktor Falsafah. Antara tugas utama kumpulan ini adalah untuk memperkasa perkhidmatan Sulh diseluruh Malaysia secara seragam dan sistematik. Selain itu, kumpulan ini juga akan membantu JKSM dalam usaha memartabatkan Sulh yang kini hampir 20 tahun telah wujud JKSM di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Mesyuarat telah memfokuskan perbincangan kepada beberapa perkara seperti berikut:

- (a) Penyelarasan terhadap Kaedah Sulh.
- (b) Penambahbaikan Manual Kerja Sulh.
- (c) Memantapkan pengiraan statistik Sulh dan laporan kes-kes Sulh.
- (d) Mewujudkan Pelan Strategik Sulh 2019-2023.

MESYUARAT KETUA-KETUA SULH BIL 1 TAHUN 2020 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA 6 FEBRUARI 2020

PUTRAJAYA, 6 Februari 2020: Mesyuarat Ketua-Ketua Sulh Seluruh Malaysia Bil. 1 tahun 2020 telah diadakan pada 6 Februari 2020 dan dipengerusikan oleh Hakim Rayuan iaitu YA Datuk Jasri @ Nasip Bin Mat Jakir yang dilantik sebagai Pegawai yang menjaga hal ehwal Sulh JKSM. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh semua Ketua Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri (MSN). Objektif mesyuarat ini ialah bagi mencungkil masalah dalaman yang berhubung kait pelaksanaan Sulh di JKSN/MSN bagi menambah baik kecekapan tadbir urus Sulh dengan lebih dinamik dan efektif. Mesyuarat pada ini juga merekodkan laporan aktiviti Sulh dan pelaksanaan amalan-amalan yang bersifat inovasi dalam pelaksanaan Sulh yang telah dilaksanakan di JKSN/MSN.

Sebagai badan penyelerasan, Mesyuarat juga mengenal pasti kekuatan Pegawai Syariah yang mengendalikan Sulh bagi setiap negeri dan peranan Pegawai Sulh di JKSN/MSN selain menjalankan tugas-tugas Sulh. Selain itu, Mesyuarat juga membincangkan pengisian yang terbaik untuk Muzakarah Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali ke 13 Tahun 2020 dan penambahbaikan kepada Manual Kerja Sulh JKSM yang perlu diteliti semula mengikut perkembangan dan keperluan pelaksanaan Majlis Sulh itu sendiri. Hasil mesyuarat juga, beberapa kertas cadangan dan kajian telah disenaraikan untuk dimasukkan ke Jawatankuasa Arahan Amalan seperti keperluan prosedur Sulh semula, keutamaan pengendorsan kes Sulh sebagai ‘Fast Lane’ di Mahkamah dan kewajaran merujuk kes kembali taat di ke Majlis Sulh.

MESYUARAT JAWATANKUASA KEY PERFORMANCE INDEX (KPI) DAN STATISTIK SULH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIABIL 1 TAHUN 2020

PUTRAJAYA, 6 Februari 2020: Mesyuarat Jawatankuasa KPI dan Statistik Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bil. 1 tahun 2020 telah diadakan pada 6 Februari 2020 dan dipengerusikan oleh Hakim Rayuan iaitu YA Datuk Jasri @ Nasip Bin Mat Jakir yang dilantik sebagai Pegawai yang menjaga hal ehwal Sulh JKSM. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ketua-ketua Sulh, penyelaras statistik Sulh seluruh negeri dan wakil Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) JKSM. Objektif mesyuarat ini adalah bertujuan menyelaras peratusan pencapaian pengendalian Sulh pada setiap bulan bagi tahun 2020. Data statistik ini diperolehi daripada Syariah Knowledge Management System (SKMS) / Business Intelligence (BI) yang disediakan oleh JKSM. Selain itu, ia juga berfungsi menganalisa pencapaian tersebut mengikut kategori selesai berjaya, gagal dan ketidakhadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh. Permasalahan yang timbul hasil analisa tersebut akan dimajukan kepada mesyuarat Sulh yang bersesuaian untuk dibincangkan secara lebih mendalam bagi mencapai penyelesaian.



Tahun	Pencapaian		
	Bilangan Kes Sulh Didaftarkan	Bilangan Kes Sulh yang berjaya	Peratus Pencapaian
2018	12,379	10,397	84%
2019	13,118	11,541	87.98%

MESYUARAT NAZIRAN PERTINDIHAN KES BIL 1 TAHUN 2020

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

11 JUN 2020

PUTRAJAYA, 11 Jun 2020: Mesyuarat Jawatankuasa Naziran dan Pertindihan Kes JKSM telah diadakan pada 11 Jun 2020 dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Nassir Bin Haji Abdul Aziz Ketua Pendaftar, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Jawatankuasa ini telah ditubuhkan di bawah Arahan Amalan No. 4 Tahun 2003 yang mana JKSM berfungsi sebagai pusat rujukan bagi kes-kes yang bertindih di antara negeri-negeri dan Jawatankuasa ini akan bertindak memberi ulasan serta apa-apa arahan sebelum pihak Mahkamah yang terlibat memberikan penghakiman. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Tuan Penolong Kanan Kehakiman JKSM, Pengarah Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod (BPKR) JSKM, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Suh BPKR dan Pegawai- Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan JKSM.



MESYUARAT JAWATANKUASA TADBIR URUS REKOD (JKTUR)

Jawatankuasa ini ditubuhkan mengikut ketetapan Dasar Pengurusan Rekod Awam 2010. Jawatankuasa ini bertanggungjawab merancang, menyelaras dan memantau program dan aktiviti pengurusan rekod konvensional dan elektronik. Selain itu, Jawatankuasa ini juga memperakarkan keperluan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan pengurusan rekod Jabatan secara tahunan, meluluskan polisi / piawaian / garis panduan pengurusan rekod dan menjadi penghubung jalinan kerjasama dengan pihak Arkib Negara Malaysia dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian program pengurusan rekod yang baik. Mesyuarat JKTUR Bil.1/2020 telah diadakan pada 20 Mei 2020 secara atas talian (*Skype For Business*).



MUZAKARAH PENGURUSAN REKOD KALI KE-3 TAHUN 2019

Muzakarah / Mesyuarat Pengurusan Rekod Kali-1 bagi Tahun 2020 telah diadakan pada 9 Jun 2020 secara atas talian (*Skype For Business*). Muzakarah yang menghimpunkan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) ini bertujuan untuk melaporkan perkembangan pengurusan rekod di Jabatan masing-masing selain membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan rekod di JKSN/MSN.





UNIT INTEGRITI (UI)



IKRAR INTEGRITI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

TAHUN 2020



- ▶ Ikrar Integriti Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah diadakan pada 12 Februari 2020 bertempat di Dewan Serba Guna Tan Sri Dato' Seri Setia Dr. Ibrahim Lembut, Aras 5, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ikrar tersebut dilaksanakan sempena Program Wacana Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie Jabatan kehakiman Syariah Malaysia. Lafaz ikrar dibacakan oleh Pegawai Syariah, Tuan Mohd Shahidan Bin Kasim dan diikuti oleh 250 orang Pegawai Syariah dari seluruh Malaysia yang menghadiri Majlis Wacana Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie tersebut.
- ▶ Ikrar Integriti adalah agenda tetap Jabatan Kehakiman Syariah pada setiap tahun. Diharapkan agar Ikrar Integriti ini dapat menyemarakkan budaya integriti dikalangan Pegawai Syariah seluruh Malaysia dan dapat mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan yang lebih efisien, bersih dan telus disamping mengubah persepsi negatif masyarakat ke atas Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia.

KURSUS INTEGRITI BERSAMA KUMPULAN PELAKSANA TAHUN 2020

Kursus Integriti Bersama Kumpulan Pelaksana Tahun 2020 telah diadakan pada 9 hingga 11 Mac 2020 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bandar Baru Bangi, Selangor. Peserta program seramai 35 orang terdiri daripada kakitangan kumpulan pelaksana dari JKSM/JKSN/MSN seluruh Malaysia. Peserta Kursus juga telah membuat lawatan sambil belajar ke Panjara Kajang bagi melihat sendiri suasana dan aktiviti penghuni penjara yang sedang menjalani hukuman penjara. Unit Integriti JKSM berharap semoga Program ini akan memberikan manfaat dan pengajaran kepada para peserta agar tidak terjebak dengan jenayah dan rasuah.



MESYUARAT JAWATANKUASA ANTI RASUAH JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA BIL. 1/ 2020

- ▶ Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Bil. 1/ 2020 telah diadakan pada 16 Januari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Aras 5, JKSM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, JKSM.
- ▶ Ahli Mesyuarat tersebut terdiri daripada Hakim-Hakim Rayuan Syariah JKSM, Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan dan Pengarah-pengarah Bahagian JKSM.
- ▶ Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran yang boleh membawa kepada unsur-unsur rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai penggerak dalam meningkatkan komitmen pembanterasan rasuah dan memastikan sistem pentadbiran kerajaan sentiasa dalam persekitaran sifar toleransi terhadap rasuah.



BAHAGIAN LATIHAN



LAPORAN KURSUS ASAS PENDAKWA SYARIE

Tarikh : 18hb Februari – 19hb Februari 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Seramai 20 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Pendakwa Syarie. Objektif utama kursus ini adalah untuk mempertingkatkan pemahaman mengenai kedudukan peruntukan-peruntukan Undang-undang bertulis berkaitan dengan bidang tugas Pendakwa Syarie.



CERAMAH KEPENTINGAN LATIHAN DALAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DARI KONTEKS PERKHIDMATAN SYARIAH

Tarikh : 21hb Februari 2020

Tempat : Bilik Latihan Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Kursus ini disasarkan kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan pemahaman berhubung kepentingan latihan kepada warga JKSM meliputi semua lapisan pegawai dan pelaksana. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan produktiviti serta membentuk nilai-nilai murni dan sikap-sikap positif di kalangan penjawat awam.

Kursus Asas Guaman Syarie

Tarikh : 24hb Februari – 25hb Februari 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Seramai 28 peserta daripada 32 jemputan peserta kursus telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Pegawai Jabatan Bantuan Guaman. Kursus ini bertujuan mempertingkatkan pemahaman mengenai prinsip-prinsip utama dalam pengendalian kes Mal Peguam Syarie Jabatan Bantuan Guaman berkaitan pemfailan, sebutan, perbicaraan dan penghujjah.



KELAS BASAER AL-HUKKAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SIRI 1

Tarikh : 27hb Februari 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman
Syariah Malaysia

Seramai 49 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Hakim Syarie Seluruh Malaysia. Objektif utama kursus ini diadakan memantapkan kefahaman peserta berhubung hukum syarak berkaitan bab mut'ah dan mendedahkan hakim-hakim kepada prinsip-prinsip Turath bagi menyelesaikan masalah berdasarkan syarak.





BENGKEL PENILAIAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN BIDANG PEGAWAI SULH

Tarikh : 28hb Februari 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman
Syariah Malaysia

Program ini merupakan aktiviti gerak kerja utama Bahagian Latihan. Hasil aktiviti ini sangat penting sebagai input bagi tindakan lanjut program yang terkandung dalam dokumen Pelan Intervensi Kluster Agensi Agama Persekutuan (PIKAP) JKSM bagi fungsi Latihan. Program ini melibatkan seramai 20 orang dari kalangan ahli jawatankuasa Kerja Modul Sulh JKSM, Pegawai Kanan JKSM, Seksyen Sulh BPKR dan pegawai-pegawai sulh yang terpilih. Objektif utama program ini ialah memuktamadkan hasil penilaian dari sudut kriteria pegawai sulh yang kompeten dan pakar serta menyediakan input asas bagi penambahbaikan modul latihan pegawai sulh yang efisien.

KURSUS PENGENDALIAN KES BERKAITAN KOS (LANJUTAN) ZON BORNEO

Tarikh : 2hb Mac – 4hb Mac 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Jabatan Bantuan Guaman, Sabah

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bersama
Jabatan Bantuan Guaman

Kursus ini diadakan secara kerjasama dengan Jabatan Bantuan Guaman. Seramai 12 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada kakitangan skim LS Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah dan Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sarawak. Objektif utama kursus ini diadakan untuk memberi panduan persediaan dokumentasi bagi tuntutan kos di Mahkamah Syariah dan memberi panduan mengenai cara melaksanakan perintah kos di mahkamah sekiranya terdapat keingaran pihak-pihak.



KURSUS UNDANG-UNDANG KETERANGAN : KETERANGAN LISAN DAN DOKUMEN (PENULISAN)

KUMPULAN 1

Tarikh : 10hb Mac – 11hb Mac 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

**Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah
Malaysia**

Seramai 18 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada Pegawai Sulh. Objektif utama kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman kepada peserta kepada peruntukan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah berkaitan beban pembuktian, pensabitan fakta persoalan dan meningkatkan kemahiran peserta untuk mengunakan Undang-undang Keterangan dalam penyediaan Alasan Penghakiman berkualiti.



KURSUS PEMAHAMAN MANUAL KERJA SULH SIRI 1

Tarikh : 9hb Mac – 10hb Mac 2020

Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman
Syariah Malaysia

Kursus ini merupakan kursus baru dalam modul latihan. Tujuan kursus ini diadakan bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi pegawai sulu yang ditugaskan di Jabatan Kehakiman Syariah/Mahkamah Syariah Negeri. Objektif kursus ini ialah menerangkan kefahaman mengenai kepentingan Tatacara Sulh dalam penyelesaian tuntutan/permohonan di Mahkamah Syariah. Seramai 24 orang peserta menghadiri kursus ini.



KURSUS KELAS TAFAQQUH SIRI 1 SECARA ATAS TALIAN

Tarikh : 9hb Mac – 10hb Mac 2020


Tempat : Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM

Anjuran : Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Kursus ini terbuka kepada semua pegawai Syariah seluruh Malaysia dan telah dijalankan secara atas talian. Kursus ini merupakan kursus pertama dijalankan secara atas talian oleh Bahagian Latihan, JKSM. Seramai 86 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Objektif utama kursus ini diadakan untuk memberi kefahaman, pendekatan dalam istilah Syarak, disiplin ilmu nahu, saraf dan Teknik-teknik pembacaan kitab serta melatih mendalami teknik yang sahih tentang kaedah-kaedah.



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
KULIAH TAFAQQUH ONLINE SIRI 2
مقدمة القضاء في الإسلام
التنظيم القضائي
PADA : 9 JUN 2020 BERSAMAAN 17 SYAWAL 1441
MASA : 9.00 – 11.00 PAGI
ANJURAN : BAHAGIAN LATIHAN JKSM
BERSAMA USTAZ : AL-FADHIL USTAZ FAUWAZ FADZIL NOOR
SIARAN LANGSUNG



وَكَمَا اشْتَهِرَ الْعَدْلُ الْعَدْلَيَّةُ^(١)، فَهُوَ صَفَةُ رَبِّ الْجَمَاتِ عَنِ أَسْبَلِ الْإِلَامِ، وَهُوَ الْأَعْدَالُ فِي الْأَمْوَالِ الْأَبْيَهِ، وَذَلِكَ لِمَا يَدْعُوا بِهِ مُخْدِنَاتِ الْكِتَابِ وَتَرْكَ الصَّفَارِ فِي الْعَالَمِ، وَقَبْلَهُ صَفَةُ الْمُرْبِّرَةِ وَسَنَّةِ الْمُرْسَلَةِ^(٢).
كَذَّرَ الْأَمْرُ بِأَنَّ الْعَدْلَةَ الْعَدْلَيَّةَ فِي الْعَالَمِ، فَهُوَ مَا يَكْتُسُونَ مَسَادِدَ الْمُهَمَّةِ، خَلَقَ الْأَمْرَاءَ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٣).
وَسَلَّمَ الْأَمْرُ بِالْأَنْسَابِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٤).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٥) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، وَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٦).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٧) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٨).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٩) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(١٠).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(١١) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(١٢).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(١٣) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(١٤).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(١٥) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(١٦).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(١٧) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(١٨).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(١٩) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٢٠).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٢١) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٢٢).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٢٣) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٢٤).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٢٥) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٢٦).
وَسَلَّمَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى^(٢٧) عَنْ رَحْمَةِ الْأَمْرَاءِ، فَلَمَّا كَانَ عَنْهُمْ فَارَقُوا الْمَلَكَ، بَعْدَهُ مَسَدِّدُ الْمُهَمَّةِ^(٢٨).



BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN (BDP)



MESUARAT MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) ANTARA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA DAN KEMENTERIAN KEADILAN PALESTIN

- ▶ Bahagian Dasar dan Penyelidikan telah mengurusetiakan beberapa siri mesyuarat bagi mewujudkan Memorandum of Understanding (MoU) antara JKSM dan Kementerian Keadilan Palestin. Mesyuarat telah diadakan pada 21 Januari 2020 dan 27 Februari 2020. Antara matlamat MoU tersebut ingin diadakan adalah bagi menjalinkan hubungan dua hala antara institusi kehakiman di dua negara tersebut dari sudut pertukaran pegawai, penerbitan, penyelidikan, bahan ilmiah dan sebarang aktiviti yang bersesuaian.
- ▶ Cetusan kearah MoU ini adalah hasil lawatan delegasi Ketua Hakim Syarie Palestin pada 12 Jun 2019 kepada Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JSKM. Antara jemputan dalam mesyuarat MoU ini adalah dari Kementerian Luar Negara dan Jabatan Peguam Negara yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Puan Ketua Pendaftar JSKM Puan Hajjah Noor Hadina Ahmad Zabidi.



BENGKEL KAJIAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENENTUAN STATUS AGAMA DI MAHKAMAH SYARIAH BIL. 1/ 2020

Tarikh : 20 Februari 2020

- ▶ Bahagian Dasar & Penyelidikan telah mengadakan Bengkel kajian Prosedur Operasi Standard (SOP) penentuan Status Agama bertempat di bilik mesyuarat Bahagian Dasar & Penyelidikan. penasihat kajian ini adalah Dr. Adib Samuri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Bengkel ini telah di penguruskan oleh YA Datuk Radzi bin Ab. Latif, Hakim Rayuan Mahkamah Syariah JKSM.
- ▶ Bahagian Dasar & Penyelidikan telah diarahkan untuk menjalankan kajian ini melalui Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Kali ke-72 yang telah diadakan di JKSN Sabah pada 13-14 November 2018. Hasil daripada kajian ini adalah dengan mewujudkan SOP Penentuan Status Agama yang akan digunakan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. SOP tersebut telah dibentangkan kepada Persidangan Ketua Hakim Syarie dan telah diluluskan.



BENGKEL KAJIAN LANJUT BERKAITAN KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA, BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM) BIL. 1 TAHUN 2020.

18 Februari 2020

Bengkel Bersama Prof. Dr. Najibah Mat Zin, pegawai BSK JKSM dan Wilayah Persekutuan telah diadakan di bilik mesyuarat Bahagian Dasar & Penyelidikan JKSM, untuk membincangkan model kajian lanjut berkaitan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) yang akan dilaksanakan oleh Bahagian Dasar & Penyelidikan. Hasil Bengkel ini, ahli telah bersetuju untuk melaksana Kajian rintis di Wilayah Persekutuan sebelum melaksanakan kajian penuh sebagaimana yang dicadangkan.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Bil. 1/2019 pada 28 Mei 2019, Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) telah dimohon untuk menyediakan kajian mengenai sama ada pemakaian prinsip ‘the best interest of the child’ adalah selaras dengan hukum Syarak bagi meletakkan tanggungjawab nafkah anak secara bersama terhadap ibu dan bapa.



BENGKEL KAJIAN DAN PEMBINAAN SOP BERKAITAN HUKUMAN REHABILITATIF DALAM KES JENAYAH SYARIAH DI MAHKAMAH SYARIAH BIL.1 TAHUN 2020

Pada 30 Jun 2020, bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Dasar & Penyelidikan, JKSM telah diadakan satu bengkel berkaitan Hukuman Rehabilitatif Dalam Kes Jenayah Syariah Di Mahkamah Syariah telah diadakan Bersama penasihat kajian Dr. Hasnizam bin Hashim dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini adalah bertujuan untuk membina SOP berkenaan pelaksanaan hukuman rehabilitative dalam kes jenayah Syariah.

Pelaksanaan kajian ini adalah berdasarkan keputusan jabatan dan menjadi KPI YAA Dato' Ketua Pengarah dan juga Ketua Pendaftar JKSM bagi tahun 2020. Selain itu ia juga terkandung dalam Pelan Intervensi Kluster Agama Persekutuan (PIKAP).





BAHAGIAN
TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI
(BTMK)



MESYUARAT AGONG KELAB BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, JKSM

Tarikh : **10 Januari 2020**
Tempat : **Bilik Mesyuarat BTMK,
Aras 4, JKSM**
Penganjur : **BTMK**

Mesyuarat Agong Kelab Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK),JKSM telah diadakan pada 10 Januari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat BTMK, Aras 4, JKSM.Tujuan mesyuarat Agong ini untuk memilih ahli baharu bagi sesi 2020-2021 menggantikan ahli yang lama dan sudah bertukar ke Jabatan lain.Ucapan aluan dan perasmian telah dilakukan oleh Tuan Mohd Razalan bin Kamal, Pengarah BTMK yang baharu.Disamping itu mesyuarat bersetuju untuk penjenamaan semula nama Kelab serta pertandingan mencipta Logo Kelab turut diadakan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa yang baharu seperti di bawah ;


- ▶ **Penasihat** : Tuan Mohd Razalan bin Kamal
- ▶ **Pengerusi** : Encik Mohd Rusdhan bin Hashim
- ▶ **Naib Pengerusi** : Encik Muhamad Rizuan bin Ab Rasid
- ▶ **Setiausaha** : Puan Nor Hanisah binti Md Hosni
- ▶ **Naib Setiausaha** : Puan Hasmaniza binti Ainullah
- ▶ **Bendahari** : Encik Noor Idzuan bin Ahmad
- ▶ **Naib Bendahari** : Cik Nur Najwa binti Samsuddin
- ▶ **Pemeriksa Kira-Kira 1** : Encik Shafik Affandi bin Khalid
- ▶ **Pemeriksa Kira-kira 2** : Puan Fadzirah binti Abd Ali
- ▶ **Biro- Biro**
- ▶ **Sukan dan Rekreasi** : Tuan Hasmarizwan bin Umar
Encik Amiriza bin Abdul Razak
- ▶ **Ushawan dan Ekonomi** : Puan Qulam Fatimah bin Sapuani
Encik Muhammad Qassim Saifullah bin Mohd Zulkifli
- ▶ **Kebajikan dan Agama** : Encik Zahariman Farhan bin Mohd Yatim
Encik Mohd Hafiz bin Khairuddin
- ▶ **Sosial dan Tugas-Tugas** : Puan Munira binti Zainol Rashid
- ▶ **Khas** : Puan Saadiah binti Ariffin

Semoga dengan tertubuhnya Kelab Bahagian Pembangunan Maklumat (BPM) ini akan dapat mengeratkan tali silaturrahim di kalangan ahli BTMK dengan moto “ **we are family**” dengan pelbagai aktiviti yang memberi faedah kepada semua.

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN NAMA KELAB

Tarikh : 31 Januari 2020
Tempat : secara maya atau online
Penganjur : BTMK

Satu pertandingan mencipta Logo dan nama Kelab BTMK yang baru telah dilancarkan untuk penjenamaan semula Kelab. Penyertaan terbuka untuk warga BTMK dan dibuat secara maya kepada pihak penganjur pertandingan. Sebanyak lapan (8) penyertaan telah diterima dan keputusannya telah dimenangi oleh Puan Munira binti Zainol Rashid dengan Logo : BPM dan Kelab BPM (Bahagian Pembangunan Maklumat). Syabas dan tahniah kepada Puan Munira di atas kesungguhan beliau yang telah menghasilkan kemenangan.



MAJLIS BACAAN YASIN BULANAN, MAJLIS PERPISAHAN BAGI KAKITANGAN YANG BERTUKAR DAN SAMBUTAN MAJLIS HARI LAHIR PEGAWAI

Tarikh : 14 Februari 2020
Tempat : Bilik Mesyuarat BTMK, Aras 4, JKSM
Penganjur : BTMK

Satu Majlis Perpisahan bagi **Encik Amiriza bin Abdul Razak**, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang akan bertukar ke Jabatan Peguam Negara pada 17 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat BTMK, Aras 4, JKSM. Ucapan aluan, penghargaan dan penyampaian cendera mata telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Razalan bin Kamal, Pengarah BTMK kepada pegawai berkenaan. Semua pegawai dan kakitangan BTMK mengucapkan selamat bertugas di tempat baru kepada Encik Amiriza, semoga memberikan sumbangan yang cemerlang.



SAMBUTAN HARI LAHIR KEPADA WARGA BTMK YANG LAHIR PADA BULAN JANUARI DAN FEBRUARI 2020

Pada 14 Februari 2020, turut juga dijadikan sambutan hari lahir kepada mereka yang lahir pada bulan Januari dan Februari 2020, iaitu Encik Mohd Hafiz bin Khairuddin (2 Januari), Encik Muhammad Qasim Saifullah bin Mohd Zulkifli (19 Januari), Puan Effah bt Abu Bakar (4 Februari), Puan Munira bt Zainol Rashid (15 Februari) dan Puan Saadiah binti Ariffin (18 Februari).

Selamat Hari lahir kepada mereka semoga dimurahkan rezeki, diberi kesihatan yang baik, diberi kebahagian di dunia dan di akhirat dan dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sebaik mungkin.



TAKLIMAT RINGKAS DAN PENGAGIHAN T-SHIRT BAGI PROGRAM HARI KELUARGA BPM 2020

Tarikh : 25 Februari 2020
Tempat : Bilik Mesyuarat BTMK, Aras 4, JKSM

Satu Taklimat ringkas mengenai Hari Keluarga BPM 2020 telah disampaikan oleh Encik Mohd Rushdan selaku Pengerusi BPM kepada warga BTMK. Beliau telah menerangkan tentang aturcara, pelan lokasi dan perkara yang berkaitan dengan Hari Keluarga yang akan diadakan pada 29 Februari 2020 bertempat di Teratak Bernam Riverview, Tanjung Malim, Perak.

Pada akhir Taklimat berkenaan, sesi pengagihan t-shirt sempena Hari Keluarga BTMK telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Razalan bin Kamal, Pengarah BTMK kepada warga BTMK.

Didoakan agar Hari Keluarga BTMK yang bakal diadakan nanti dapat diadakan dengan jayanya tanpa sebarang masalah.



HARI KELUARGA BTMK 2020

Tarikh : 29 Februari 2020
Tempat : Teratak Bernam Riverview,Tanjong Malim,Perak
Penganjur : Kelab Bahagian Pembangunan Maklumat BTMK, JKSM

Persiapan untuk mengadakan Hari Keluarga BTMK 2020 telah dirancang sejak dua (2) yang lalu oleh Jawatankuasa Kelab Bahagian Pembangunan Maklumat dan urus setia Hari Keluarga telah berlangsung dengan jayanya pada 29 Februari 2020, bertempat di Teratak Bernam Riverview, Tanjung Malim, Perak dengan penyertaan sebahagian besar warga BTMK, bermula pada jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang. Pelbagai acara sukaneka untuk kanak-kanak, pasangan dan kumpulan lelaki & perempuan telah disediakan oleh pihak Urus setia Hari Keluarga BTMK seperti ; Apple beracun (pasangan), Rebut Kon Berirama (Kanak-kanak), Kasut Tempurung (kumpulan lelaki dan perempuan) dan Ikatan Kasih dengan membawa bola pingpong dalam sudu (pasangan). Cabutan nombor bertuah untuk warga BTMK juga turut diadakan. Sambutan Hari Keluarga BTMK 2020 telah berakhir dengan jayanya hasil komitmen, kerjasama dan keceriaan daripada semua warga BTMK yang hadir . Penyelaras Hari Keluarga, Tuan Hasmarizwan menyatakan program ini merupakan percubaan pertama dan akan diadakan lagi di masa akan datang dengan penyertaan seluruh warga BTMK.





BAHAGIAN PUSAT SUMBER MAKLUMAT DAN PENERBITAN (BPSMP)



LAWATAN KERJA DARI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

14 Februari 2020 : Seksyen Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Pusat Sumber dan Penerbitan (BPSMP) telah menerima lawatan kerja dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertempat di Pusat Jualan Buku, Perpustakaan Aras 1 dan 3, JKSM.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat perkembangan Pusat Sumber Maklumat selepas kerja-kerja pemindahan bahan rujukan Malaysiana ke Pusat Jualan Buku di Aras 1 yang telah memulakan operasi pada 05 Disember 2019 yang lalu. Manakala Koleksi Kitab Bahasa Arab, Koleksi Khas, Koleksi ‘Red Spot’ ditempatkan di Perpustakaan Aras 3.

Wakil dari PNM tersebut berkesempatan untuk melihat dan meninjau Pusat Sumber Maklumat JKSM dari segi pengurusan dan pelaksanaan kerja yang telah dilaksanakan.

Tuan Nik Asrulnizam, Ketua Penolong Pengarah (KPP) BPSMP turut memberi sedikit pencerahan berkaitan Koleksi Perundungan yang ada di Pusat Sumber Maklumat JKSM.




MESYUARAT BERKAITAN SISTEM PERPUSTAKAAN BERSEPADU KOHA BERSAMA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA (PNM)

11 JUN 2020 : Seksyen Pusat Sumber Maklumat, Bahagian Pusat Sumber dan Penerbitan (BPSMP) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) telah mengadakan mesyuarat bersama Perpustakaan Negara Malaysia(PNM) menerusi aplikasi *Skype for Business*.

Mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan persediaan Seksyen Pusat Sumber Maklumat untuk menggunakan Sistem Perpustakaan Bersepadu (KOHA).

KOHA merupakan Integrated Library System (ILS) yang merupakan perisian sumber terbuka yang digunakan di seluruh dunia oleh sekolah, perpustakaan awam dan sebagainya.

Di Malaysia, KOHA adalah disokong oleh Perpustakaan Negara Malaysia(PNM). Antara perpustakaan yang telah menggunakan sistem KOHA adalah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Universiti Putra Malaysia dan lain-lain.



MESYUARAT EDITORIAL JURNAL HUKUM JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Tarikh : 18 Februari 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan Aras 3, JKSM

Penganjur : Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Editorial Jurnal Hukum Bil. 1 Tahun 2020. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YA Tuan Amran Bin Mat Zain selaku Hakim Rayuan JKSM

Ahli mesyuarat adalah terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, Pegawai Penyelidik Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM dan Pegawai BPSMP JKSM.

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyemak artikel serta alasan penghakiman yang melibatkan kes Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang akan dibentangkan kepada ahli Mesyuarat Editorial Jurnal Hukum untuk semakan dan kelulusan sebelum dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat. Jumlah Artikel dan Alasan Penghakiman yang dibincangkan adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Jumlah Artikel Dan Alasan Penghakiman Yang Diluluskan
1.	Mesyuarat Editorial Bil. 1 Tahun 2019	1 Artikel, 45 Alasan Penghakiman



**MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT JURNAL HUKUM
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

Tarikh : 17 Mac 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama Aras 5, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Penganjur : Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

- ▶ Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Lembaga Penasihat Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Bil. 1 Tahun 2020 dipegerusikan oleh wakil YAA Dato' Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar Ketua Hakim Syarie/Ketua Pengarah JKSM iaitu Tuan Amran Bin Mat Zain Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM. Ahli Lembaga Penasihat Jurnal Hukum adalah terdiri daripada panel dalam JKSM iaitu Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM, Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, manakala panel luar terdiri daripada YBhg. Tan Sri Dato' Setia Dr. Ibrahim Lembut Mantan Hakim Syarie/Ketua Pengarah JKSM, YAA Dato' Abas Bin Nordin Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan, YA Dato' Seri Dr. Md. Yusop Bin Che Teh, mantan Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, YBhg. Dato' Prof. Adjung Hj. Sulaiman Bin Abdullah, Peguam Syarie dan YBhg. Prof Dr. Najibah Binti Mohd Zain, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia YBrs. Dr. Arif Fahmi Bin Md. Yusof, Dekan Fakulti Syariah Dan Undang-Undang USIM dan Tuan Musa Bin Awang, Peguam Syarie. Turut hadir adalah pegawai Pegawai Penyelidik Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM dan Pegawai BPSMP JKSM. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyemak artikel serta alasan penghakiman yang melibatkan kes Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang telah diluluskan oleh ahli Mesyuarat Editorial untuk dibincangkan serta dimuktamadkan untuk diterbitkan ke dalam Jurnal Hukum JKSM. Jumlah Artikel dan Alasan Penghakiman yang dibincangkan adalah seperti berikut:-



Bil.	Perkara	Jumlah Artikel Dan Alasan Penghakiman Yang Diluluskan
1.	Mesyuarat Lembaga Penasihat Jurnal Hukum Bil. 2 Tahun 2020	0 Artikel, 14 Alasan Penghakiman

MESYUARAT EDITORIAL JURNAL HUKUM JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Tarikh : 25 Jun 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Hakim Rayuan Aras 6, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)

Penganjur : Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menganjurkan Mesyuarat Editorial Jurnal Hukum Bil. 2 Tahun 2020. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YA Tuan Amran Bin Mat Zain selaku Hakim Rayuan JKSM. Ahli mesyuarat adalah terdiri daripada Ketua Pendaftar JKSM, Pengarah Kanan (Kehakiman) JKSM, Pegawai Penyelidik Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM dan Pegawai BPSMP JKSM.

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyemak artikel serta alasan penghakiman yang melibatkan kes Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah yang akan dibentangkan kepada ahli Mesyuarat Editorial Jurnal Hukum untuk semakan dan kelulusan sebelum dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Penasihat. Jumlah Artikel dan Alasan Penghakiman yang dibincangkan adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Jumlah Artikel Alasan Penghakiman Yang Diluluskan
1.	Mesyuarat Editorial Bil. 2 Tahun 2020	0 Artikel, 50 Alasan Penghakiman



MESYUARAT BERSAMA THE LEGAL REVIEW

Tarikh : 17 Jun 2020
Tempat : Bilik Mesyuarat Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan Aras 3, JKSM
Penganjur : Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan perbincangan bersama Syarikat The Legal Review mengenai Pendigitlan Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan. Mesyuarat Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Syariah Bahagian Pusat Sumber Maklumat serta kakitangan Syarikat The Legal Review iaitu Encik Irawan Bin Sarip selaku Operation Manager, Encik Amar Watfiy Bin Abd Rahman selaku Customer Relation Executive dan Puan Faezah Binti Faizal selaku Special Officer to Director. Mesyuarat ini bertujuan mendapatkan maklumat daripada syarikat The Legal Review yang membuat database berkenaan kes-kes di mahkamah Syariah bagi memudahkan orang ramai, para pelajar,hakim-hakim membuat rujukan mengenai kes-kes di Mahkamah Syariah di dalam Jurnal Hukum terbitan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) secara maya..



MESYUARAT BERSAMA

PERCETAKAN NATIONAL MALAYSIA BERHAD (PNMB)

Tarikh : 17 Jun 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan Aras 3, JKSM

Penganjur : Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan

Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan perbincangan bersama PNMB mengenai Pendigitalan Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melalui sistem Lawnet yang akan dikendalikan oleh PNMB. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan. Turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Syariah Bahagian Pusat Sumber Maklumat serta kakitangan PNMB iaitu Encik Muhammad Shamsul Anuar Bin Alias, Sales Consultant, Puan Halimah Binti Hassan, Business Unit Manager dan Puan Putri Almiedazura Binti Megat Nor Hashim, Sales Consultant.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan mengenai Pendigitalan Jurnal Hukum Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat serta rujukan mengenai kes-kes di Mahkamah Syariah di dalam Jurnal Hukum terbitan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melalui sistem online.



PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

- ▶ **28 March 2020-** Salam Takziah diucapkan kepada ahli keluarga Allahyarham Tuan Tuan Haji Azmee bin Haji Hussein, Penolong Pengarah Bahagian Pusat Sumber dan Maklumat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Jutaan terima kasih diucapkan di atas jasa beliau yang telah berkhidmat bersama Jabatan selama ini. Semoga roh almarhum ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.

- ▶ **13 Februari 2020-** Salam Takziah diucapkan kepada ahli keluarga Allahyarham Tuan Adam bin Tumiran, Pengarah Bahagian Pusat Sumber dan Maklumat Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Jutaan terima kasih diucapkan di atas jasa beliau yang telah berkhidmat bersama Jabatan selama ini. Semoga roh almarhum ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.

